

# Rahsia pemudah hijrah

## peristiwa

**S**EBUT sahaja hijrah, perkara pertama yang mungkin tergambar pada benak fikiran kita adalah peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dari kota Mekah ke kota Madinah.

Keadaan itu mungkin kerana boleh dikatakan dalam setiap penganjuran ceramah atau kuliah ilmu, sejarah perjalanan baginda SAW dan Abu Bakar As-Siddiq menjadi topik utama atau sebagai pembuka bicara ceramah itu.

Apa tidaknya, peristiwa bersejarah itulah yang membolehkan Islam berkembang sehingga berjaya membina sebuah tamadun manusia yang disegani sehingga ke hari ini.

Pada masa pemerintahan Umar Al-Khattab, beliau memanggil para sahabat untuk berbincang bagi mewujudkan satu kalendar Islam dan ada cadangan supaya ia dimulakan pada tarikh nabi lahir, nabi wafat, nabi dilantik menjadi rasul dan lain-lain.

"Tetapi Umar memilih tarikh penghijrahan Nabi SAW ke Madinah kerana ia adalah satu peristiwa amat penting dalam menentukan hala tuju agama Islam selepas itu.

"Hijrah itu penting kerana Rasulullah SAW berpindah dari satu sistem jahiliah kepada sistem Islam sepenuhnya," kata Pegawai Staf III, Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat), **Kapten Mohd. Asri Abdul Khaled** pada segmen Hijrah Selebriti di Masjid Khalid Al-Walid, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Segmen yang turut mengundang Shamsul Ghau-Ghau dan Felixia Yeap itu diadakan sempena Karnival Maal Hijrah 2014 anjuran Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama tiga hari sejak 24 Oktober lalu.

Begitu pun, peristiwa hijrah Rasulullah SAW itu bukan sekadar antara kisah sejarah kejayaan baginda SAW dalam usaha menyebarkan dan memperkasakan agama Islam di muka bumi ini.

Kejayaan dan kepentingan hijrah itu turut sesuai untuk diaplikasikan dalam usaha kita mencapai kebahagiaan di



**BARISAN** ahli panel Segmen Forum Hijrah Selebriti, (dari kanan) Felixia Yeap, Shamsul Ghau Ghau dan Ustaz Kapten Mohd. Asri Abdul Khaled pada Karnival Maal Hijrah di Masjid Khalid Al-Walid, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

dunia dan juga akhirat.

Justeru, Kapten Mohd. Asri menggariskan lima perkara penting yang membolehkan seseorang Muslim itu mencapai kebahagiaan tersebut melalui hijrah.

"Apabila berniat untuk berhijrah, kita mesti ada matlamat. Tanpa strategi, besar kemungkinan akan gagal di pertengahan jalan, bahkan kita sendiri tidak akan faham serta tidak benar-benar bersedia dengan langkah penghijrahan yang dilakukan," katanya.

Perkara kedua, beliau menyentuh soal keimanan kerana aspek itu akan memberikan kekuatan kepada seseorang tersebut untuk kekal dengan matlamat hijrah.

Ini kerana kekuatan tersebut akan menjadikan seseorang itu cukup sensitif dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka.

"Sebab itulah, sekiranya sesuatu itu tidak menepati syariat, sistem imannya akan terlebih dahulu memberitahu tetapi jika sekiranya, dia selesa dengan keadaan itu, maka di situ ada masalah iman," katanya.

Kapten Mohd. Asri seterusnya

memberitahu orang yang berhijrah itu bukan hanya perlu memahami tetapi menerima bahawa hijrah tersebut memang ada risiko tertentu.

Tambahnya, langkah itu perlu supaya kita bukan hanya akan lebih bersedia menghadapinya tetapi mengetahui bagaimana untuk menyelesaikan setiap masalah yang timbul.

"Rentetan daripada itu, perkara keempat dalam berhijrah adalah keperluan ilmu supaya kita kekal selamat dengan penghijrahan yang dipilii itu.

"Ilmu itu sangat penting kerana ramai yang berhijrah terkandas kerana tidak mempunyai ilmu yang diperlukan," katanya.

Perkara kelima menurut Kapten Mohd. Asri adalah paling penting iaitu taat kepada setiap perintah dan larangan Allah SWT yang diturunkan melalui kitab al-Quran atau hadis Rasulullah SAW.

"Kita kena percaya bahawa setiap perintah, sudah tentu ada kebaikan dan setiap larangan itu ada keburukan walaupun mulanya kita mungkin tidak nampak atau merasainya," katanya.

## Al-Quran cetus perubahan

**S**EMENTARA ITU, **Shamsul Ghau-Ghau** mengakui bahawa keputusannya untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT bukan sesuatu yang mudah dilakukan.

Walaupun rumahnya di Bangi, Selangor terletak berhadapan dengan masjid tetapi keinginan untuk solat berjemaah atau beriktikad di masjid itu tidak pernah timbul.

"Keadaan itu berterusan sehinggalah saya mendengar bacaan surah Ar-Rahman dan surah terbabit menyedarkan saya tentang erti kesyukuran dan ketakwaan kepada Allah SWT," katanya.

Sebagai anak seni, dia tidak menafikan bahawa penghijrahan itu memerlukan lebih berhati-hati untuk menerima tawaran berlakon, menyanyi atau bidang pengacaraan.

Namun, dia percaya bahawa rezeki itu datang daripada Allah SWT dan apa yang perlu dilakukannya adalah berusaha tanpa merasa jemu dan putus asa.

"Memang pendapat orang ada bermacam-macam. Malah tidak kurang yang boleh membantut niat saya untuk berhijrah tetapi saya kuatkan niat itu dan alhamdulillah, sehingga kini saya masih kekal dalam penghijrahan diri," katanya.

Bagi **Felixia Yeap** atau nama

Islamnya, Eaisyah Rania pula penghijrahan akidah yang dipilih telah menyebabkan hubungannya dengan ibu kandung menjadi semakin rapat, walaupun masing-masing mempunyai pegangan kepercayaan yang berbeza.

"Sebaik memeluk Islam, tanpa saya sedari saya mula menunjukkan kasih sayang kepada ibu secara lebih terbuka dan saya cukup gembira dan selesa dengan keadaan tersebut.

"Hubungan kami kini menjadi lebih rapat. Apatah lagi, ibu menjadi penyokong kuat untuk saya mendalami ilmu-ilmu agama Islam," katanya. -

**HASHNAN ABDULLAH**